

**HUKUM MENINGGALKAN SOLAT FARDU ANTARA KUFUR DAN FASIQ:
ANALISIS DALIL BERDASARKAN MAZHAB EMPAT**

Hasna bin Bidin¹, Mohd Nor Firdaus bin Omar², Mohd Nazari Khalid @ Abu Samah³
& Kamaludin Bin Rashidi⁴

ABSTRAK**E-JITU**

Acceptance date:
15th June 2019

Valuation date:
22nd July 2019

Publication date:
30th Oct 2019

Kajian ini membincangkan tentang hukum meninggalkan solat fardu sama ada ia membawa kepada kekufuran atau fasiq. Hal ini timbul kerana masih terdapat dikalangan masyarakat Islam yang meninggalkan solat fardu serta memandang ringan terhadap kewajipan solat fardu. Perkara ini berlaku disebabkan pengetahuan mereka yang cetek berkaitan kewajipan solat fardu dan tuntutannya dalam Islam. Selain itu, mereka juga meninggalkan solat fardu disebabkan malas dan kesibukan harian seperti bekerja dan sebagainya. Kajian ini bertujuan memberi tumpuan kepada kefarduan solat dan hukum meninggalkan solat fardu dengan sengaja sama ada mengakui kefarduannya atau sebaliknya. Seterusnya penyelidik akan memuatkan perbincangan ulama' dalam mazhab empat berkaitan hukum meninggalkan solat fardu dengan sengaja disebabkan malas, sibik atau lainnya tetapi masih mengakui akan kefarduannya. Metod yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian kepustakaan dengan berpandukan kepada bahan rujukan seperti buku-buku dan jurnal-jurnal penerbitan berkaitan tajuk ini. Analisis adalah menggunakan metodologi deduktif iaitu membuat kesimpulan khusus daripada maklumat yang umum. Hasil yang diperolehi daripada kajian ini menunjukkan bahawa hukum meninggalkan solat fardu dengan sengaja bagi yang masih mengakui kefarduannya adalah merupakan perbuatan fasiq serta berdosa besar dan inilah pendapat terkuat menurut jumhur ulama'. Kewajipan solat fardu adalah merupakan kewajipan fardu ain yang berada dalam tanggungan setiap individu umat Islam yang sudah mencapai umur baligh dan mukallaf. Sekiranya mereka menunaikannya, maka terbinalah asas agama yang kukuh dalam diri setiap individu muslim sebaliknya jika mengabaikan solat fardu akan menyebabkan rosak dan runtuhan pegangan agama dalam kehidupan.

Kata kunci: *Meninggalkan solat fardu, kufur, fasiq, analisis, mazhab empat*

PENDAHULUAN

Solat adalah merupakan asas dan tiang dalam agama Islam yang merupakan rukun Islam yang kedua. Adalah menjadi satu tanggungjawab serta kewajipan bagi setiap individu

¹Senior lecturer of Kolej Komuniti Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor, hasnabinbidin@yahoo.com

muslim untuk menegakkan dan mendirikan solat yang telah diperintahkan Allah SWT setiap hari sebanyak lima waktu. Mengenai solat fardhu lima waktu sudah diperjelaskan oleh Allah SWT tentang kepentingannya hingga diumpamakan sebagai tiang agama dan ibu segala amalan. Hal ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW daripada Abdullah bin Umar ra iaitu, (Baihaqi, 2004:1077) :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الصَّلَاةُ عِمَادُ الدِّينِ فَمَنْ أَقَمَهَا فَقَدْ أَقَمَ الدِّينَ وَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ هَدَمَ الدِّينَ

Maksudnya :Dari Abdullah bin Umar ra, katanya: Rasulullah SAW bersabda: "Solat itu adalah tiang agama, barangsiapa yang mendirikannya maka sesungguhnya ia telah mendirikan agamanya sebaliknya barangsiapa yang meninggalkannya, maka sesungguhnya ia telah meruntuhkan agamanya."

(Riwayat Baihaqi)

Hal ini bermaksud tanpa amalan solat, maka kebaikan yang lain tiada nilai disisi Allah SWT dan segala kebaikan yang dilakukan tidak diterima oleh Allah SWT. Ibadat solat juga merupakan kefarduan amali pertama dalam setiap risalah nabi-nabi untuk mentasdiq (membenarkan) aqidah keimanan dan merealisasikan pengertian ‘ubudiyyah kepada Allah SWT (Hasan al-Turabi, Dr;1974:11).

Oleh yang demikian, setiap individu muslim mestilah memelihara solat fardu dalam kehidupan mereka bagi memastikan segala amalannya yang lain akan diterima oleh Allah SWT serta kehidupannya sentiasa diberkati. Perlu disedari bahawa solat fardu lima waktu adalah paksi dalam segala amal ibadah yang lain dalam menentukan sama ada amalan yang lain akan diterima oleh Allah SWT atau sebaliknya. Jika sempurna ibadah solatnya, maka diterimalah amalan yang lainnya di sisi Allah SWT. Sebaliknya jika rosak ibadah solatnya, maka akan ditolaklah segala amalannya yang lain lain di sisi Allah SWT dan menjadi sia-sia sahaja.

Dalam memperkatakan sikap umat Islam di Malaysia dalam memahami dan menunaikan ajaran Islam khususnya ibadah solat dapat dikategorikan kepada tiga golongan. Golongan pertama ialah golongan yang mengerjakan sembahyang dan golongan yang kedua ialah golongan yang tidak mengerjakan sembahyang. Manakala golongan yang ketiga ialah golongan yang kadangkala bersembahyang dan kadangkala tidak bersembahyang. (Drs. Hanafi Mohamed, 2011:1).

Bagi kaum remaja pula, mereka adalah merupakan suatu golongan umat Islam yang paling ramai didalam masyarakat. Corak kehidupan mereka pula sentiasa diliputi dengan pelbagai cabaran dan pengaruh yang boleh menjaskan imej dan maruah sebagai remaja yang beriman. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak

agar mendidik dan membimbing golongan remaja agar mereka sentiasa hidup dalam suasana kehidupan beragama yang diliputi dengan akhlak dan amalan Islam yang sempurna.

Menurut kajian yang dilakukan ke atas mahasiswa di TATi University College, Kemaman Terengganu terhadap pengetahuan dan pengamalan solat fardu dalam kehidupan mereka sehari-hari menunjukkan bahawa mereka mempunyai pengetahuan asas solat fardu yang baik namun pengamalan solat fardu mereka berada dalam situasi yang membimbangkan dengan hanya 36% sahaja yang konsisten menunaikan solat fardu lima waktu setiap hari (Hilmi Ismail, 2010). Hasil daptaran juga merumuskan bahawa pengetahuan seseorang berkaitan tentang kefarduan solat bukanlah jaminan terhadap pengamalan dan penghayatan solat di dalam kehidupan mereka tanpa di dokongi dengan pemantauan dan penguatkuasaan oleh pelbagai pihak dalam masyarakat dan negara bagi memastikan ajaran Islam ini dapat dilaksanakan. Fenomena sedemikian tidak boleh dibiarkan berterusan kerana akan melahirkan generasi yang lemah akibat mengabaikan solat serta mengikut hawa nafsu dan generasi inilah yang amat dibimbangi oleh Rasulullah SAW dan dilabel oleh Allah SWT sebagai umat yang sesat dan bakal dicampakkan ke dalam api neraka, nauzubillah.

KONSEP SOLAT DALAM ISLAM

Definisi solat

Perkataan ‘Solat’ dari sudut bahasa ialah ‘Doa memohon kebaikan dan puji.’ Maka, solat Allah SWT kepada nabinya ialah puji Allah SWT kepada nabinya. Sebelum Islam, orang Arab menggunakan perkataan solat dengan maksud yang sedemikian dan erti itu terdapat juga pada beberapa tempat di dalam al-Quran (Johari Yaman & Junaid Talip, 2003 :54). Firman Allah SWT yang berbunyi:

وَصَلَّى عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكُ سَكْنٌ لَّهُمْ

Maksudnya: "Dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doa'mu itu menjadi ketenteraman untuk mereka."

(Surah at-Taubah, 9: 103)

Manakala pengertian Solat dari sudut istilah dan syara’ ialah ibadah yang terdiri dari perkataan dan perbuatan tertentu yang dimulai dengan takbir bagi Allah SWT dan disudahi dengan memberi salam dengan syarat-syarat yang tertentu (Sayyid Sabiq, 1999:109).

Kesimpulannya solat adalah ibadah yang mempunyai rukun qauli (perkataan), rukun *qalbi* (niat) dan rukun *fi'li* (perbuatan) yang bermula dengan takbiratul ihram dan diakhiri dengan ucapan salam. Dari itu, pelaksanaan solat itu mestilah dengan

berpandukan pengetahuan yang lengkap bagi memastikan segala rukun-rukunya dapat dilakukan dengan betul dan sempurna seterusnya mencapai solat yang khusyu' dan diterima oleh Allah SWT.

Kefarduan solat dalam islam

Umum mengetahui bahawa sembahyang adalah merupakan ibadat yang diwajibkan ke atas setiap individu muslim yang mukallaf. Sembahyang adalah merupakan salah satu daripada rukun Islam yang lima dan merupakan perkara yang asas dalam agama. Sembahyang yang telah difardukan ke atas setiap muslim pada setiap hari adalah sebanyak lima waktu solat iaitu subuh, zohor, asar, maghrib dan *isya'*.

Sembahyang menjadi kewajipan setiap muslim untuk melaksanakannya dalam apa jua keadaan sekalipun walaupun dalam keadaan sakit dan perang. Tiada alasan bagi seseorang muslim untuk meninggalkan dan mengabaikan solat dalam apa jua situasi getir melainkan kepada tiga golongan iaitu orang perempuan yang sedang haid dan nifas, orang yang pitam (pengsan) hingga keluar waktu dan orang gila serta kanak-kanak yang belum mumaiyyiz (Johari Yaman & Junaid Talip,2003 :62-63). Meskipun kanak-kanak tidak diwajibkan solat, tetapi menjadi kewajipan ke atas penjaganya menyuruh mereka sembahyang sebagai didikan dan latihan sejak usianya tujuh tahun dan dibenarkan memukul mereka jika enggan bersolat ketika umur mereka mencapai sepuluh tahun (Haron Din,1985 :118).

ERTI MENINGGALKAN SOLAT

Berdasarkan kepada penelitian daripada Al-Quran dan As-Sunnah serta pendapat para ulama' tentang masalah meninggalkan solat dapat dibuat rumusan bahawa pengertiannya terbahagi kepada dua kategori:

a. Meninggalkan solat kerana malas atau meringankan perintah solat

Menurut istilah fiqh, malas mengerjakan solat fardu disebut sebagai *takasul* manakala meringankannya pula di kenalsebagai *tahawun* (Nawawi,tt:17). Di antara ciri-ciri utamanya ialah meninggalkan solat fardu dengan sengaja tanpa uzur syara' atau menunda pelaksanaan solat hingga ke akhir waktunya.Hal yang sedemikian itu dirakamkan oleh Allah SWT di beberapa ayat dalam Al-Quran antaranya:

فَحَلَّفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا الصَّلَاةَ وَ ابْتَغُوا الشَّهَوَاتِ فَسَوْفَ يَلْقَوْنَ عَيًّا

Maksudnya : “Kemudian mereka digantikan oleh keturunan–keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu (melakukan maksiat); maka mereka akan menghadapi azab (dalam neraka) “

(Surah al-Maryam, 19: 59)

Berdasarkan ayat di atas, para ulama’ menyimpulkan bahawa maksud ayat yang berbunyi *ada’u al-solah* ialah melewat-lewatkan waktu solat hingga luput (Al-Zahabi,1995:38). Mereka ini akan disediakan satu tempat tinggal dalam neraka yang dikenali dengan panggilan *al-gay*. Manakala dalam ayat yang lain pula, Allah SWT berfirman yang berbunyi:

فَوَيْلٌ لِّلْمُصَلِّيْنَ (٤) الَّذِيْنَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُوْنَ (٥)

Maksudnya : “(Kalau orang yang demikian dikira dari bilangan orang-orang yang mendustakan agama), maka kecelakaan besar bagi orang- orang yang ahli sembahyang. Iaitu mereka berkeadaan lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya “

(Surah al-Ma'un, 107 : 4 – 5)

Pada ayat ini, para ulama’ bersepakat di dalam menafsirkan maksud perkataan *sahun* ialah mengakhirkan solat dari waktunya (Al-Zahabi,1995:39). Balasan yang akan diterima bagi golongan yang suka melewat-lewatkan solat hingga ke akhir waktu atau sehingga luputnya waktu adalah neraka yang disebut dengan *al-wail*.

b. Meninggalkan solat dengan sengaja serta mengingkari kefarduannya

Para ulama’ menyebut golongan yang meninggalkan solat dengan sengaja serta mengingkari kefarduannya dengan istilah yang dipanggil *tark al-solah* iaitu meninggalkan solat. Maksud *tark al-solah* ialah seseorang yang meninggalkan solat di dalam waktunya (Ali Hamsyari et.al,1997:54). Al-Quran mencela golongan ini serta mengancamnya dengan azab neraka yang pedih melalui firman Allah SWT di dalam Al-Quran yang berbunyi:

Manakala sabda Rasulullah SAW pula menyamakan golongan meninggalkan solat dengan orang kafir yang berbunyi:

إِنَّ الْعَهْدَ الَّذِي بَيَّنَنَا وَبَيَّنَهُمُ الصَّلَاةُ فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ كَفَرَ

PERBINCANGAN HUKUM MENINGGALKAN SOLAT

Hukum meninggalkan solat fardu

Berkaitan hukum meninggalkan solat fardu, para fuqaha' telah membahagikan perihal dan kedudukan orang yang meninggalkan solat kepada dua kategori :

- i. Orang-orang yang meninggalkan solat dengan sengaja kerana mengingkari perintah Syara'. Mereka disifatkan sebagai orang yang kufur kepada Allah SWT dan terkeluar dari Agama Islam .
- ii. Orang-orang yang meninggalkan solat dengan sengaja tetapi mereka tidak mengingkari perintah Syara'.

Untuk menjelaskan permasalahan di atas dengan lebih lanjut, maka penulis akan membincangkan masalah tersebut sebagaimana berikut ;

1. Hukum meninggalkan Solat Fardu kerana ingkar kepada perintah Syara'.

Para ulama' Islam telah berijma' bahawa seseorang yang telah mengetahui hukum dan kefarduan solat tetapi enggan mengerjakannya kerana ingkar kepada perintah Syara' maka hukumnya adalah jelas iaitu dia jatuh kufur serta terkeluar dari Agama Islam (al-Syarbini, 1994:612).

Sebaliknya, jika seseorang jahil tentang kefarduan solat di atas beberapa sebab yang tertentu seumpama dia tidak mengetahui tentang hukum solat ketika mula-mula memeluk Islam atau fikirannya tidak waras dan dia pula tidak mencampuri orang-orang Islam ketika baligh maka para ulama' berpendapat seseorang itu tidaklah menjadi kufur (Hasyim Yahya,2011:17).

2. Hukum orang yang meninggalkan solat dengan sengaja tetapi masih ber'i'tikad tentang kefarduan solat

Namun demikian, para fuqaha' berbeza pendapat tentang seseorang yang meninggalkan solat fardu tetapi masih ber'i'tikad tentang kefarduan solat seperti seseorang yang meninggalkan solat kerana malas , sibuk dengan urusan dunia atau meringankan-ringankan hukum solat. Secara umumnya, terdapat dua pendapat fuqaha' dalam membincangkan permasalahan ini:

Pendapat pertama : Hukumnya fasiq dan berdosa besar

Hukum di atas adalah merupakan pandangan jumhur ulama' antaranya imam Malik dan imam Syafi'e yang berpendapat bahawa orang tersebut tidak menjadi kafir bahkan menjadi fasiq. Mereka akan dihukum bunuh seperti penzina muhsan sekiranya enggan

bertaubat dan kembali menunaikan solat (Al-Syaukani, 2004:313). Mereka telah mengemukakan beberapa dalil yang berikut iaitu firman Allah SWT yang berbunyi:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرِكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ ۚ وَمَنْ يُشْرِكُ بِاللَّهِ فَقَدْ ضَلَّ
ضَلَّلُوا بَعِيدًا

Maksudnya : "Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa orang yang mempersekuatukannya dengan suatu (apa jua), dan akan mengampunkan yang lain daripada kesalahan (syirik) itu bagi sesiapa yang dikehendakinya (menurut peraturan hukum-hukumnya); dan sesiapa yang mempersekuatkan Allah dengan sesuatu (apa jua), maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang sejauh-jauhnya.

(Surah al-Nisa', 4 : 116)

Dalam konteks ayat ini dapat difahami bahawa orang-orang musyrik akan kekal di dalam neraka dan mereka tidak ada ruang untuk bebas dan terlepas dari azab Allah SWT yang amat dahsyat. Akan tetapi Allah SWT menyatakan juga bahawa keampunannya akan diberikan kepada dosa selain syirik walau bagaiman besar dosa tersebut.

Perbincangan dalil: Dosa meninggalkan solat adalah merupakan satu bentuk pengingkaran dan penderhakaan kepada Allah SWT yang menyebabkan pelakunya boleh digolongkan dalam kalangan orang-orang kafir (Al-Qardhawi,1996:207). Hal ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Nasaei, Tirmidzi, dan Abu Daud daripada Ibn Buraidah ra yang berbunyi:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ بُرَيْدَةَ عَنْ أَبِيهِ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ الْعَهْدَ الَّذِي يَبْتَئِنُ
وَبَيْنَهُمُ الصَّلَاةُ فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ كَفَرَ

Maksudnya: Dari Abdullah bin Buraidah ra, dari bapanya, katanya, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda :Jaminan berbaik-baik di antara kita dengan mereka (yang mendakwa dirinya orang Islam) ialah mengerjakan sembahyang; oleh itu bagi sesiapa yang tidak sembahyang maka sesungguhnya termasuklah ia dalam hukum orang kafir.

(Riwayat Nasaei,Tirmidzi, Abu Daud dan Ibn Majah)

Adapun dalil kedua, mereka juga berhujah dengan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim daripada Abdullah bin Mas'ud ra, (Muslim,1995: 1676; Bukhari,2001: 6484) :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ ابْنِ مُسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا يَحِلُّ دَمُ امْرِئٍ مُسْلِمٍ إِلَّا بِأَحَدٍ ثَلَاثَ التَّشِيبُ الزَّانِي وَأَنَفْسُ الْمُتَّارِكِ لِدِينِهِ الْمُفَارِقُ لِلْجَمَاعَةِ

Maksudnya : Dari Abdullah bin Masu'd ra, katanya ; Rasulullah SAW bersabda: "Tiada halal ditumpahkan darah setiap muslim yang mengaku bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad SAW pesuruhnya melainkan dia melakukan salah satu daripada tiga perkara iaitu berzina padahal dia beristeri atau bersuami, membunuh orang, meninggalkan agama dan menentang jamaah."

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Hadis di atas ini memberi keterangan bahawa darah seseorang muslim tidak halal ditumpahkan melainkan mereka telah melakukan salah satu daripada tiga perkara iaitu berzina bagi orang yang sudah berkahwin, seseorang yang membunuh jiwa yang tidak berdosa dan seseorang yang telah keluar meninggalkan agamanya (murtad). Dinyatakan juga dalam hadis tersebut bahawa di antara tiga golongan ini tidak disebutkan golongan orang-orang yang meninggalkan solat (Qahtan Abd Rahman al-Duri, 1999:65). Dengan ini, dapat difahami bahawa orang yang meninggalkan solat itu tidak dikenakan hukuman bunuh. Demikian juga halnya bahawa orang yang meninggalkan solat dengan sengaja tidak dihukumkan kafir dan tidak dijatuhi hukuman bunuh (Hasan Ayub,2003:88).

Perbincangan dalil: Sekalipun meninggalkan solat tidak dinyatakan dalam hadis di atas tetapi terdapat hadis saih yang menyatakan bahawa darah seseorang muslim terpelihara apabila mereka menunaikan solat iaitu hadis yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Ibn Umar RA, (Muslim,1999: 22; Bukhari, 2001: 25) :

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: أَمْرَتُ أَنْ أُفَاتِلَ النَّاسَ حَتَّىٰ يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ، وَيَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاءَ، فَإِذَا فَعَلُوْا ذَلِكَ عَصَمُوا مِنِّي دَمَاءُهُمْ وَأَمْوَالُهُمْ إِلَّا بِحَقِّ الْإِسْلَامِ وَحَسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ تَعَالَى

Maksudnya : Dari Abdullah bin Umar RA, berkata ; sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Aku diperintahkan memerangi orang Islam yang murtad sehingga mereka kembali mengaku bahawa tidak ada Tuhan yang disembah melainkan Allah SWT dan mengaku bahawa Muhammad adalah Rasulnya mendirikan solat , dan mengeluarkan zakat. Apabila mereka melaksanakan kembali yang demikian itu terpeliharalah darah dan hartanya kecuali kalau ada sesuatu hak Islam dan perkiraannya adalah urusan- urusan yang tersembunyi diserahkan kepada Allah.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Hadis di atas menjelaskan bahawa barangsiapa yang meninggalkan salah satu daripada tiga perkara di atas, maka halal darah dan hartanya (boleh dibunuh dan diperangi) apabila tidak bertaubat (Al-Syaukani, 203:407)

Malah ada hadis lain yang menyebut bahawa solat adalah rukun islam dan asas terbinanya agama iaitu hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim daripada Abdullah bin Umar ra yang berbunyi:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رضيَ اللَّهُ عنْهُمَا قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بُنْيَ الْإِسْلَامِ عَلَىٰ خَمْسٍ شَهادَةٍ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الرِّزْكَةِ
وَالْحَجَّ وَصَوْمُ رَمَضَانَ

Maksudnya: "Dari ibn Umar ra, katanya: Rasulullah SAW bersabda: "Islam itu dibina dan ditegakkan diatas lima dasar (lima rukun), iaitu mengucap dua kalimah syahadah (dengan meyakini serta menerangkan kebenaran) bahawa sesungguhnya tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah dan bahawa sesungguhnya Nabi Muhammad ialah pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, memberi zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan mengerjakan haji ke Baitullah."

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Daripadauraian hadis di atas menunjukkan bahawa iman itu bermula dengan keyakinan, mengucap syahadah dan beramal dengan anggota seperti solat, zakat, puasa dan haji. Dari itu, jika dilihat dalam turutan amalan-amalan Islam yang utama, maka solat adalah ibadah yang paling utama dan menjadi asas dalam Islam (Al-Asqalani, 1997:83).

Adapun dalil ketiga berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW yang telah diriwayatkan oleh Imam Abu Daud daripada Ubudah bin al-Somit ra, (Abu Daud, 1995:1420):

خَمْسُ صَلَوَاتٍ كَتَبْهُنَّ اللَّهُ عَلَى الْعِبَادِ فَمَنْ جَاءَ بِهِنَّ مَمْ يُضَيِّعُ مِنْهُنَّ شَيْئًا اسْتِحْفَافًا بِحَقْهِنَّ كَانَ
لَهُ عِنْدَ اللَّهِ عَهْدٌ أَنْ يُدْخِلَهُ الْجَنَّةَ وَمَنْ لَمْ يَأْتِ بِهِنَّ فَلَيْسَ لَهُ عِنْدَ اللَّهِ عَهْدٌ إِنْ شَاءَ عَذَّبَهُ وَإِنْ
شَاءَ أَدْخَلَهُ الْجَنَّةَ

Maksudnya: "Allah telah mewajibkan solat lima waktu atas hamba-hambanya. Sesiapa yang tetap melakukannya tanpa meninggalkan satu pun daripadanya lantaran

meringan-ringankan hukum wajibnya, Allah SWT berjanji akan memasukkannya ke dalam syurga. Sebaliknya sesiapa yang tidak melakukannya, Allah tidak menjanjikan apa-apa pun kepadanya sama ada mengazabkannya atau memasukkannya ke dalam syurga mengikut ketetapan dan kehendaknya di atas rahmatnya”
(Riwayat Abu Daud)

Hadis di atas menunjukkan orang yang meninggalkan solat tidak dihukumkan kafir kerana jika dihukumkan demikian tentulah tidak termasuk dalam maksud sabda Nabi SAW, Allah akan memasukkannya ke dalam syurga mengikut kehendaknya. Hal ini kerana hanya orang kafir yang tidak akan masuk ke dalam syurga sama sekali. Oleh yang demikian, maksud tidak kafir adalah ditujukan kepada mereka yang meninggalkan solat disebabkan malas bagi menerima pemakaian semua dalil tersebut (Wahbah Zuhaili,1997:661).

Perbincangan dalil: Mengerjakan solat merupakan salah satu daripada syarat sah iman iaitu ber’amal dengan anggota selain daripada memberlakukan dalam hati dan pengakuan dengan lidah. Status mukmin pada diri seseorang akan terlucut sekiranya mereka meninggalkan solat. Terdapat hadis sahih yang menyatakan bahawa tanpa solat, maka segala amalan yang lain akan sia-sia dan tidak diterima oleh Allah SWT (Ibn Qayyim,1998:98). Hal ini dinyatakan oleh Rasulullah SAW di dalam hadis yang telah diriwayatkan oleh Imam At-Thabarani daripad Anas bin Malik ra yang berbunyi:

أَوَّلُ مَا يُحَاسِبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ الصَّلَاةُ فَإِنْ صَلَحَتْ صَلَحَ لَهُ سَائِرُ عَمَلِهِ وَإِنْ فَسَدَتْ فَسَدَ
سَائِرُ عَمَلِهِ

Maksudnya: “Dari Anas bin Malik RA, katanya; Rasulullah SAW bersabda: “Yang pertama sekali dihisab atas seorang hamba dihari qiamat nanti ialah solat, maka jika baik solatnya nescaya baiklah amalan lainnya dan jika rosak solatnya, maka binasalah amal-amal yang lain.”

(Riwayat Thabarani)

Seterusnya dalil keempat sebagai hujah pendapat yang mengatakan meninggalkan solat dengan sengaja tidak menjadi kafir adalah bersumberkan firman Allah SWT di dalam Surah Maryam ayat 59 yang berbunyi:

فَخَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا الصَّلَاةَ وَ اتَّبَعُوا الشَّهْوَاتِ فَسَوْفَ يُلْقَوْنَ غَيَّاً إِلَّا مَنْ تَابَ
وَأَمَنَ وَعَمِلَ صَالِحًا

Maksudnya : “Kemudian mereka digantikan oleh keturunan–keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu (melakukan maksiat); maka mereka akan menghadapi azab (dalam neraka) ”

(Surah al-Maryam, 19 : 59)

Ayat di atas menyatakan tentang akan datang satu generasi lain yang mengabaikan solat dengan mengutamakan kesyahwanan dunia dan kelazatannya (Ibn Kathir, t.t: 457-458). Di sini para *ulama'* berselisih pendapat tentang maksud “**أَضَاعُوا الصَّلَاةَ**” yang mana sebahagian mereka memahaminya sebagai meninggalkan solat secara keseluruhannya manakala sebahagian lain berpendapat sebagai mengabaikan waktu dengan menunaikan solat di luar waktunya.

Kesimpulannya orang yang meninggalkan solat dengan sengaja tidak menjadi kafir tetapi perbuatan tersebut dikira berdosa dan di azab di akhirat sekiranya tidak bertaubat dan beristigfar dengan memohon keampunan kepada Allah SWT di dunia.

Perbincangan dalil: Dari segi *dalalah* dalam ayat dalam ayat di atas dapat dilihat dari parkataan *al-gayy* yang bermaksud mulut atau dasar jahanam yang disediakan kepada orang yang meninggalkan solat dan mengikut hawa nafsu. Seandainya mereka ini bersama orang-orang derhaka dari golongan muslimin, tentulah mereka berada di tingkat teratas di antara tingkatan neraka. Sebaliknya mereka berada di tempat paling bawah yang merupakan tempatnya orang-orang kafir. Selain itu, jika perbuatan meninggalkan solat dianggap beriman, sudah pasti tidak disyaratkan para pelakunya untuk beriman dalam taubatnya (Ibn Qayyum, 98:31). Hal ini ditegaskan menerusi ayat

إِلَّا مَنْ تَابَ وَآمَنَ وَعَمِلَ صَالِحًا

Pendapat kedua : Hukumnya kafir dan murtad

Hukum ini adalah pendapat sebahagian ulama' salaf seperti Abdullah ibn Mubarak dan Ishaq ibn Rahawiyyah yang mengatakan bahawa orang yang meninggalkan solat dengan sengaja adalah dihukumkan sebagai kafir yang menyebabkan murtad dan keluar dari agama. Pendapat ini juga merupakan riwayat daripada 'Ali bin Abi Talib dan merupakan pandangan masyhur imam Ahmad ibn Hanbal (Al-Syaukani, 2004:313). Mereka telah berhujjah dengan beberapa dalil yang berikut iaitu Rasulullah SAW bersabda di dalam hadis yang telah diriwayatkan oleh Imam Nasaei, Abu Daud, Tirmidzi dan Ibn Majah daripada Abdullah bin Buraidah ra, (Nasaei, 2003: 463; Abu Daud, 1995 :4678; Tirmidzi, t.t: 2621; Ibn Majah, 1998 :1079) :

عن عبد الله بن بريده عن أبيه قال: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ الْعَهْدَ الَّذِي بَيَّنَنَا
وَبَيَّنَهُمُ الصَّلَاةُ فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ كَفَرَ

Maksudnya: "Dari Abdullah bin Buraidah ra ,dari bapanya, katanya;bahawa Rasulullah SAW bersabda : " Jaminan berbaik-baik diantara kita dengan mereka (yang mendakwa dirinya sebagai orang islam) ialah mengerjakan sembahyang; oleh itu sesiapa yang tidak sembahyang maka sesungguhnya termasuklah ia dalam hukum orang kafir."

(Riwayat Nasa 'ei, Tirmidzi, Abu Daud dan Ibn Majah)

Berdasarkan hadis di atas, kesimpulan yang dapat dibuat ialah bahawa perbuatan meninggalkan solat adalah di antara perkara-perkara yang membawa kepada kekufuran seseorang (Wahbah Zuhaili,1997:661). Manakala ada pendapat lain pula yang menambah bahawa orang yang meninggalkan solat menjadi kafir dengan sebab ia meninggalkan solat (Al-Syaukani,2004:315).

Perbincangan dalil: Kafir yang dikehendaki dalam hadis di atas adalah merujuk kepada orang yang meninggalkan solat dengan mengingkari kewajipannya. Sebaliknya orang yang meninggalkan solat disebabkan malas, lalai atau sibuk dengan urusan lain tidaklah dianggap kafir kerana mereka masih mengakui kefarduan solat (Al-Syarbini,1994:612).

Dalil kedua adalah berdasarkan firman Allah SWT yang menyatakan bahawa di antara sebab dan punca orang-orang kafir akan di humbankan ke dalam neraka adalah sebagai akibat diri mereka yang tidak mengerjakan solat semasa hidup di dunia. Dengan demikian juga dapat difahami bahawa perbuatan meninggalkan solat adalah di antara ciri-ciri perangai orang kafir (Al-Qardhawi,1996:207). Keterangan ini adalah sebagaimana yang diungkapkan di dalam ayat yang berikut, Allah SWT berfirman yang berbunyi :

Maksudnya: " Setelah melihat orang-orang yang bersalah itu, mereka berkata: "Apakah punca yang menyebabkan kamu masuk ke dalam (neraka) saqar? Orang-orang yang bersalah itu menjawab: "Kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan sembahyang."

(Surah al-Muddathir , 74: 42 – 43)

Tafsiran di atas menunjukkan bahawa perbuatan meninggalkan sembahyang dengan sengaja adalah penyebab kepada seseorang itu di hukum dengan balasan neraka di akhirat sekiranya mereka tidak bertaubat dan berterusan meninggalkan solatnya (Hamka, Dr; 1985:221- 222).

Perbincangan dalil: Orang-orang kafir masuk ke neraka dan bukan semata-mata mereka tidak bersolat tetapi faktor utama mereka dihumbangkan ke neraka adalah kerana mereka menyengutukan Allah SWT dan mengingkari keesaannya. Mereka akan menerima azab yang kekal di neraka dan tidak akan diampuni segala kejahatan dan keingkarannya mereka didunia. Berbeza dengan orang muslim yang meninggalkan solat selagi tidak mengingkari kewajipannya dan masih mengesakan Allah SWT apabila diseksa di neraka kelak tetap akan ke syurga juga akhirnya setelah diampuni dosanya (Wahbah Zuhaili,1997:661).

Dalil ketiga yang menunjukkan orang yang meninggalkan solat menjadi kafir adalah firman Allah SWT dalam surah al-ma'un ayat 4 – 5 yang menjelaskan bahawa tempat tinggal orang yang meninggalkan solat di akhirat adalah neraka *wail*. Hal ini kerana mereka mengabaikan dan meninggalkan solat di dalam kehidupan di dunia.

فَوَيْلٌ لِّلْمُصَلِّيَنَ (٤) الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ (٥)

Maksudnya : “(Kalau orang yang demikian dikira dari bilangan orang-orang yang mendustakan agama), maka kecelakaan besar bagi orang-orang yang ahli sembahyang. Iaitu mereka berkeadaan lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya ”

(Surah al- Ma'un, 107 : 4 – 5)

Ayat di atas dapat difahami bahawa termasuk dalam kategori “sahun” iaitu lalai ialah orang yang tidak khusyu’ dalam solat, tidak menjaga solat, tidak menyempurnakan perbuatan solat, melewatkhan solat sehingga keluar dari waktunya akan ditempatkan dineraka pada hari akhirat. Apatah lagi orang yang meninggalkan solat dengan sengaja sudah tentu lebih besar kesalahannya dan lebih layak lagi untuk ditempatkan ke neraka, nauzubillah (Hamka, Dr;1985: 281).

Perbincangan dalil: Dosa meninggalkan solat dengan segaja dikategorikan sebagai dosa besar yang memberi ruang kepada pelakunya untuk bertaubat disamping menggantikan solat-solat yang telah ditinggalkan (Dzahabi,1995:39). Mereka yang melakukan perbuatan dosa ini akan dimasukkan ke neraka jika tidak bertaubat dan menggantikan solat sebelum matinya kelak. Namun masuk ke neraka akibat sesuatu kesalahan dosa khususnya meninggalkan solat tidak menyebabkan pelakunya menjadi kafir dan kekal di dalam neraka selagi mereka tidak melakukan perbuatan yang menjadikannya kafir seperti syirik dan murtad (Wahbah Zuhaili,1997:661).

Dalil keempat yang menunjukkan orang yang meninggalkan solat menjadi kafir ialah hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam Tirmidzi, Ibn Majah dan Imam Ahmad daripada Muadz bin Jabal ra, (Tirmidzi,tt:2616; Ibn Majah,1998:3973; Ahmad,tt:231/237):

رَأْسُ الْأَمْرِ إِلَّا سَلَامٌ وَعَمُودُهُ الصَّلَاةُ وَذِرْوَهُ سَانِمَهُ الْجِهَاد

Maksudnya: "Pucuk urusan adalah Islam, tiangnya adalah solat dan puncaknya adalah Jihad"

(Riwayat Tirmidzi)

Hadis di atas menjelaskan bahawa solat adalah tiang agama yang merupakan asas kepada tertegaknya Islam dan Iman dalam diri setiap individu muslim. Oleh itu, perbuatan meninggalkan solat menyebabkan runtuhan agama seseorang sehingga rosak imannya dan tertolak segala amalannya yang lain (Ibn Qayyim, 2006:33). Hal ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang menyokong perkara ini iaitu hadis yang diriwayatkan oleh al-Thabrani daripada Anas bin Malik RA, iaitu (Thabarani,tt :1859) yang berbunyi :

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رضيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَوَّلُ مَا يُحَاسَبُ
بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ الصَّلَاةُ فَإِنْ صَلَحَتْ صَلَحَ لَهُ سَائِرُ عَمَلِهِ وَإِنْ فَسَدَتْ فَسَدَ سَائِرُ عَمَلِهِ

Maksudnya: "Dari Anas bin Malik RA, katanya; Rasulullah SAW bersabda: "Yang pertama sekali dihisab atas seorang hamba dihari qiamat nanti ialah solat, maka jika baik solatnya nescaya baiklah amalan lainnya dan jika rosak solatnya, maka binasalah amal-amal yang lain."

(Riwayat Thabarani)

Perbincangan dalil: Sekalipun solat merupakan tiang agama tetapi meninggalkannya dengan sengaja tidak menyebabkan pelakunya menjadi kafir sekiranya masih beriktikad tentang kefarduannya (al-Syaukani, 2004:313). Hadis yang menyebut tentang kekufuran orang yang meninggalkan solat adalah merujuk kepada kufur ‘amali (kufur nikmat) bukannya kufur i’tikadi (kufur aqidah). Kufur ‘amali bermaksud tidak mensyukuri nikmat Allah SWT dan kufur ini tidak menyebabkan seseorang itu menjadi kafir tetapi hanya dianggap fasiq dan berdosa. Sebaliknya kufur i’tikadi bermaksud mengingkari dan mendustakan segala perintah Allah SWT dan kufur ini boleh menjadikan seseorang itu kafir dan murtad (Ibn Qayyim,1998:79).

Mengenai hadis yang menyatakan bahawa amalan kebaikan orang yang tidak bersolat seperti sedekah, puasa, haji atau lainnya tidak diterima oleh Allah SWT sebagaimana hadis riwayat Thabarani dari Anas bin Malik ra di atas adalah merujuk kepada solat fardu yang ditinggalkan dengan sengaja kerana mengingkari kefarduannya sehingga imannya rosak dan segala amalannya yang lain juga sia-sia (Ibn Qayyim,1998:105). Hal ini telah diperjelaskan dengan hadis yang lain yang diriwayatkan oleh Tirmidzi dari Abu Hurairah ra yang berbunyi:

إِنَّ أَوَّلَ مَا يُحْسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ عَمَلِهِ صَلَاتُهُ فَإِنْ صَلَحَتْ فَقَدْ أَفْلَحَ وَأَنْجَحَ وَإِنْ فَسَدَتْ فَقَدْ خَابَ وَخَسِرَ فَإِنْ انتَقَصَ مِنْ فَرِيضَتِهِ شَيْءٌ قَالَ الرَّبُّ عَزَّ وَجَلَّ انْظُرُوا هَلْ لِعَبْدِي مِنْ تَطْوِيعٍ فَيُكَمِّلَ بِهَا مَا انتَقَصَ مِنْ الْفَرِيضَةِ ثُمَّ يَكُونُ سَائِرُ عَمَلِهِ عَلَى ذَلِكَ

Maksudnya: Dari Abu Hurairah RA, katanya; bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya amal yang mula-mula sekali dihisabkan seseorang pada hari qiamat mengenainya ialah sembahyangnya, jika sembahyangnya diterima maka sesungguhnya beruntung dan berjaya ia, dan jika sembahyangnya tidak diterima maka kecewa dan rugilah dia. Kiranya terkurang dari sembahyang fardunya sesuatu, tuhan berfirman: 'periksalah, adakah hambaku itu mempunyai sembahyang-sebahyang sunat untuk dicukupkan dengannya apa yang terkurang dari sembahyang fardunya?' Demikianlah keadaan amal-amalnya yang lain."

(Riwayat Tirmidzi)

Kesimpulannya, hadis di atas menjelaskan bahawa kekurangan solat fardu yang ditinggalkan atau ketiadaan khusyu' dalam pelaksanaannya dapat ditampung dengan amalan-amalan sunat yang lain seperti solat sunat, sedekah dan sebagainya. Hal ini terjadi sekiranya seseorang yang meninggalkan solat tersebut masih mengakui kefarduannya kerana mereka tidaklah dihukum sebagai kafir dan amalannya yang lain masih diterima serta dapat menampung amalan fardunya yang ditinggalkan terutamanya solat. Sebaliknya jika seseorang mengingkari perintah syara' secara terang-terangan lalu dia meninggalkan solat dan rukun-rukun Islam yang lain, maka bolehlah dia dihukumkan sebagai seorang kafir kerana dia telah merosakkan aqidahnya sebagai seorang Islam (Al-Asqalani, 1997:132-133).

Hal ini menyebabkan amalannya yang lain akan ditolak dan sia-sia disisi Allah SWT serta tidak dapat menyelamatkannya dari azab neraka. Selain itu, hadis di atas juga menjelaskan bahawa meninggalkan amalan itu ada dua bentuk iaitu pertama, meninggalkannya secara keseluruhan dengan tidak pernah mengerjakan solat sama sekali. Hal ini akan menyebabkan seluruh amalannya yang lain sia-sia dan tidak diterima oleh Allah SWT. Kedua, meninggalkan solat pada hari tertentu sahaja akan menjadikan amal yang lain batal dan sia-sia pada hari tersebut (Ibn Qayyim, 1998:59).

RUMUSAN PERBINCANGAN TERHADAP PENDAPAT YANG RAJIH

Pada pendapat penyelidik, orang yang meninggalkan solat dalam kedaaan dia masih beritikad tentang kefarduannya tetapi dia meninggalkan solat di atas sebab-sebab yang tertentu, maka dia tidak dihukumkan sebagai kufur. Dalam hal ini, penyelidik bersetuju

dengan pendapat yang pertama kerana penulis juga berpendapat bahawa orang yang meninggalkan solat hanya semata-mata kerana malas atau dengan sebab-sebab yang lain tidak boleh dihukumkan sebagai kufur selagi mana dia tidak mengingkari secara jelas perintah dan kefarduan mendirikan solat.

Hadis-hadis yang menjelaskan bahawa orang yang meninggalkan solat menjadi kufur adalah sebenarnya merujuk kepada orang-orang yang meninggalkan solat kerana ingkar kepada perintah Syara'. Disini penulis sertakan pandangan ulama'-ulama' silam dan kontemporari yang majoritinya menyokong pendapat pertama yang menghukumkan fasiq dan berdosa besar bagi orang yang meninggalkan solat dengan sengaja tetapi masih meyakini kefarduannya.

1. Di antara tokoh ulama' semasa yang sepandapat dengan mazhab yang pertama ialah Dr. Wahbah al-Zuhayli yang mengatakan bahawa mazhab yang lebih diterima umum ialah pendapat mazhab yang pertama iaitu orang yang meninggalkan solat dengan sengaja tidak menjadi kufur. Beliau telah mengemukakan dalil hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah ra, (Muslim,1999: 23) :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَكَفَرَ بِمَا يُعَبُّدُ
مِنْ ذُنُونِ اللَّهِ حَرُمَ مَالُهُ وَدَمُهُ، وَحِسَابُهُ عَلَى اللَّهِ

Maksudnya: Dari Abi Hurairah ra, berkata :"Rasululullah SAW bersabda: Barangsiapa yang mengucapkan kalimah lailaha illallah dan dia tidak mempercayai apa-apa yang disembah selain Allah, maka haramlah harta dan darahnya dan perkiraannya adalah di sisi Allah. "

(Riwayat Muslim)

Berdasarkan kepada keterangan hadis di atas menjelaskan bahawa seseorang yang telah melafazkan kalimah Syahadah tidak akan kekal di dalam neraka jahanam buat selama-lamanya berbanding orang-orang kafir. Hal ini menunjukkan bahawa orang yang meninggalkan solat tetap mendapat azab di neraka tetapi mereka tidak kekal untuk selama-lamanya sebagaimana yang terjadi kepada orang-orang kafir (Wahbah Zuhaili,1997:661).

2. Dr. Haron Din (2003: 121) merumuskan pendapat ulama' tentang masalah ini bahawa orang yang meninggalkan sembahyang kerana malas atau segan adalah fasik dan telah melakukan dosa besar dengan mengabaikan salah satu rukun islam yang lima.
3. Di dalam kitab *As-Salah* hal. 7 dari karangan Ibn Qayyim al-Jauziyyah berpendapat bahawa orang yang meninggalkan solat fardu dengan sengaja hukumnya tidak kafir

tetapi dosanya sangat besar selepas dosa mensyirikkan Allah SWT. Dosanya lebih besar daripada kesalahan berzina, minum arak, berjudi, membunuh dan lain sebagainya.

لَا يختلفُ الْمُسْلِمُونَ أَنْ تَرَكَ الصَّلَاةَ الْمُفْرُوضَةَ عَمَدًا مِنْ أَعْظَمِ الذُّنُوبِ وَأَكْبَرِ الْكَبَائِرِ، وَأَنْ
إِثْمَهُ عِنْدَ اللَّهِ أَعْظَمُ مِنْ قَتْلِ النَّفْسِ وَأَحْذَرُ الْأَمْوَالَ وَمِنْ إِثْمِ الزِّنَا وَالسُّرْقَةِ وَشُرْبِ
الْخَمْرِ، وَأَنَّهُ مَتَعَرَّضٌ لِعِقَوبَةِ اللَّهِ وَسُخْطَتِهِ وَخَزِيِّهِ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ

Maksudnya: Kaum muslimin tidaklah berselisih pendapat (bersepandapat) bahwa meninggalkan shalat fardhu (shalat lima waktu) dengan sengaja adalah dosa besar serta seberat-berat dosa dan dosanya lebih besar dari dosa membunuh, merampas harta orang lain, berzina, mencuri, dan minum arak. Orang yang meninggalkannya akan mendapat hukuman dan kemurkaan Allah SWT serta mendapatkan kehinaan di dunia dan akhirat (Ibn Qayyim, 1998:7).

4. Di dalam kitab *Al-Umm* hal. 25 oleh Imam Al- Syafi'e rh menjelaskan bahawa orang yang meninggalkan solat adalah fasiq dan berdosa besar. Pihak pemerintah hendaklah menyuruh mereka bertaubat dan jika enggan wajiblah dijatuhi hukuman bunuh. Namun demikian, matinya masih dikira sebagai muslim dan tidak dihukumkan sebagai kafir akibat meninggalkan solat.

وتارك الصلاة على ضربين : أحدهما أن يتركها غير معتقد لوجوبها فحكمه حكم المرتد،
والثاني أن يتركها كصلاً معتقداً لوجوبها فيستتاب فإن تاب وصلى و إلا قتل حدا و كان
حكم المسلمين

Maksudnya: Orang yang meninggalkan shalat ada dua golongan: Pertama, orang yang meninggalkannya karena mengingkari kewajibannya. Hukumannya sama dengan orang yang murtad. Kedua, orang yang meninggalkan shalat karena malas, tetapi masih meyakini kewajibannya. Ia harus diminta bertaubat. Jika ia bertaubat dan melaksanakan sholat, maka ia tidak dijatuhi hukuman. Sebaliknya jika tidak mau bertaubat, maka ia dibunuh sebagai hukuman baginya. Setelah dibunuh kedudukannya sama dengan orang Islam (Al- Syafi'iyy, tt:25)

5. An-Nawawi rh menyebut di dalam kitabnya *Al-Majmu'* jil. 3 hal. 16 yang berbunyi:
في مذاهب العلماء فيمن ترك الصلاة تكاسلاً مع اعتقاده وجوبها: فمذهبنا المشهور ما سبق انه
يقتل حدا ولا يكفر وبه

Maksudnya: Dalam madzhab-madzhab para ulama terhadap orang yang meninggalkan shalat karena malas bersamaan dengan keyakinan akan kewajibannya, maka madzhab kami (yaitu madzhab Syaafiiyyah yang masyhur adalah sebagaimana yang telah lewat yaitu ia dibunuh sebagai hadd, namun tidak dikafirkan (Al-Nawawi, tt:16).

6. An-Nawawiy *rh* menyebut di dalam kitabnya *Syarh Shahih Muslim* jil.1 hal. 253 yang berbunyi:

فذهب مالك والشافعي رحهما الله والجماهير من السلف والخلف إلى أنه لا يكفر بل يفسق
ويستتاب فإن تاب وإلا قتلناه حدا كالزاني الحصن ، ولكن يقتل بالسيف

Maksudnya: Maalik dan Asy-Syaafii'iy rahimahumallah serta jumhur ulama salaf dan khalaf berpendapat bahwasannya ia (orang yang meninggalkan shalat karena malas, namun masih mengakui kewajibannya tidak dikafirkan, namun difasikkan dan diminta untuk bertaubat. Jika ia bertaubat (maka diterima), dan jika tidak, maka kita membunuhnya sebagai had seperti pelaku zina muhshan (Al-Nawawi, tt:253)

7. Al-Mawardi *rh* menyebut di dalam kitabnya *Al-Hawi* jil. 2 hal. 525 yang berbunyi:

وإِنْ لَمْ يُثْبِتْ وَأَقَامَ عَلَى امْتِنَاعِهِ مِنْ فِعْلِهَا فَقَدِ اخْتَلَفَ النَّاسُ فِيهِ عَلَى ثَلَاثَةِ مَذَاهِبٍ : أَحَدُهُمْ :
وَهُوَ مَذَهَبُ الشَّافِعِيِّ وَمَالِكٍ أَنَّ دَمَهُ مُبَاخٌ وَقَتْلَهُ وَاجِبٌ ، وَلَا يَكُونُ بِذَلِكَ كَافِرًا

Maksudnya: Apabila ia tidak bertaubat dan menolak meninggalkan perbuatannya, para ulama berselisih pendapat dalam tiga madzhab. Pertama, yaitu madzhab Asy-Syaafii'iy dan Maalik yang menyatakan darahnya boleh (ditumpahkan) dan membunuhnya adalah wajib, namun ia tidak dikafirkan" (Al-Mawardi, tt:525).

9. Asy-Syaafii'ie *rh* dalam kitabnya *Manhaj Al-Imam As-Syaafii'ie* merumuskan pandangannya berkaitan hal ini dengan menyebut:

والحاصل أن الشافعي رحم الله يرى عدم كفر تارك الصلاة كسلا

Maksudnya: Dan kesimpulannya, Asy-Syaafii'ie rahimahullah berpendapat tidak kafirnya orang yang meninggalkan shalat karena malas (As-Syaafii'ie, tt: 220).

KESIMPULAN

Dari segalauraian di atas, jelaslah kepada kita betapa pentingnya solat dalam kehidupan setiap individu muslim. Kewajipan solat yang telah difardukan sebanyak lima

waktu sehari mestilah ditunaikan dalam apa jua keadaan sekalipun. Hal ini dibuktikan dengan kedudukan solat yang merupakan rukun Islam yang kedua terpenting selepas kalimah syahadah dan kepentingan solat yang menjadi tiang agama yang mesti ditegakkan dalam kehidupan seseorang muslim. Solat juga menjadi lambang ketaatan yang sejati antara seseorang hamba itu kepada tuhannya sehingga boleh menimbulkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT. Namun sebaliknya, keingkaran dan kelalaian seseorang hamba terhadap kewajipan solat boleh mengundang kemurkaan Allah SWT sehingga jauh dari rahmatnya.

Kesannya akan menyebabkan seseorang hamba itu bakal ditimpah bencana buruk terhadap kehidupannya di pelbagai sudut dan dimensi iaitu di dunia, ketika nazak untuk mati, di alam barzakh, padang mahsyar dan akhirnya di neraka, nauzubillah. Oleh kerana itu, peliharalah solat dengan sebaik-baiknya dan tunaikanlah dengan penuh keikhlasan dan ketaqwaan kepada Allah SWT bagi menjamin kebahagiaan dan kejayaan di dunia serta di akhirat. Pensyariatan solat juga mengandungi hikmah yang boleh dilihat berdasarkan logik akal yang meliputi pelbagai aspek seperti kesihatan, kekuatan mental, fizikal, kestabilan emosi, iltizam yang tinggi dan kemurnian akhlak.

Selain itu, amaran yang keras ke atas orang-orang yang meninggalkan serta mengabaikan solat dengan dihukumkan sebagai fasiq dan berdosa besar menurut pendapat yang terkuat di kalangan jumhur ulama'. Hal yang sedemikian ini menunjukkan kesan yang buruk terhadap umat Islam umumnya dan remaja muslim khasnya sekiranya mereka mengabaikan solat dalam kehidupan seharian. Akibat yang akan diperolehi dari masyarakat Islam yang mengabaikan solat ialah kehidupan mereka akan ditimpah dengan pelbagai kerosakan dan penyakit sosial yang akan mengancam kestabilan agama, maruah, nyawa, harta, bangsa dan negara seluruhnya

RUJUKAN

- Abdullah bin Muhammad al-Basmeih, Sheikh (2010). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Quran*. Edisi 14. Kuala Lumpur : Darul Fikri.
- Abdullah bin Muhammad al-Basmih, Sheikh (2000). *Mastika Hadis Rasulullah SAW*. c.6. j.2. Terbitan Bahagian Hal-Ehwal Agama, Jabatan Perdana Menteri.
- Ahmad, Muhammmad bin Hanbal (1995). *Al-Musnad ibn Hanbal*. j.20. Kaherah : Dar al- Hadis.
- 'Asqalani, Ibn Hajar (1997). *Fathul Bari, penjelasan Kitab Sahih al Bukhari (terjemahan)*. c.1. Jakarta : Pustaka Azzam. Ditahqiqkan oleh Syeikh Abdul Aziz Abdullah bin Baz
- Ahmad Syafi'i Khatib (2005). *Hikmah Sembahyang*. c.1. Selangor : Jasmin Enterprise.
- Baihaqi, Ahmad bin Hussain. (t.t). *Makrifat al-Sunan Wal Athar*. Beirut: Dar al- Kutub al-Ilmiah.

- Bukhari al-Ju'fi, Hafidz Abu Abdullah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah bin al-Bardazbah (2001). *Shahih Bukhari*. j.1. Kaherah, Dar al-Manar.
- Duri, Qahtan Abd al-Rahman (1999). *Safwah al-Ahkam min Nayl al-Author*. c.1. Amman: Dar al-Furqan Li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Hasan Ayub, Imam (2003). *Fiqh al-Ibadah Bi Adillatiha Fi al-Islam*. c. 2. Kaherah: Dar as-Salam.
- Hamka, Dr (1988). *Tafsir Al-Azhar*. c.1. Jakarta: Abadi Group
- Hanafi Mohamed, Drs. (2006). *Hukuman Meninggalkan Sembahyang*. c.8. Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publishers.
- Haron Din, Dr (2003). *Manusia Dan Islam*. Edisi Kelima. Selangor : Hizbi Sdn. Bhd.
- Hasan al-Turabi, Dr. (1974). *Al- Salah 'Imad al-Din*. Kuwait : Maktabah Dar al-Qalam.
- Hilmi Ismail (2010). *Pengamalan Solat Fardu di kalangan Mahasiswa di TATi University College (TATiUC) Kemaman Terengganu*. Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam : Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Mohd. Hashim Yahaya. (2011). *Ensiklopedia Solat*. C.1. Kuala Lumpur: Terbitan Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Johari El-Yamani dan Ustaz Junaid Talip (2003). *As -Solat : Naskhah Lengkap Bimbingan Ibadah Solat yang menuntut ke arah kesempurnaan Iman, Perlaksanaan Hukum, Kemuliaan Akhlak dan Kedaulatan Kehidupan Sejagat*. Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publishers
- Muhammad 'Ali al-Hamsyari et.al (1997). *Al-Qamus al-Islami Li al-Nasyi'in Wa al-Syabab*. C.1, Riyadh: Maktabah al- 'Abikan.
- Nasaei, Hafidz Abdul Rahman Ahmad bin Syuaib bin Ali al-Khurasani (2003). *Sunan An-Nasaei*, c.2. j. 1. Beirut, Lubnan : Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Nawawi, Abi Zakariyya Syaraf (1994). *Syarah Sahih Muslim (Terjemahan)*. Pentahqiq: 'Isham Ash-Shababithi et. al . j.2. c.1. Jakarta: Dar al- Mustaqim.
- Nawawi, Abi Zakariyya Syaraf (tt). *Kitab al-Majmu' Syarah Muhadzab*. j. 1. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- Qazraini, Hafidz Abi Abdillah Muhammad bin Yazid (1998). *Sunan Ibn Majah*. c.1. j.1. Kaherah : Dar al- Hadith.
- Qusyairi al-Naisaburi, Abu Muslim bin al-Hujjaj (1995). *Shahih Muslim*. j. 9. Beirut :Dar al- Kutub al-Ilmiyyah
- Qursyi al-Damsyiqi, al-Hafiz Abi al-Fida' Ismail Ibn Kathir (t.t) *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir*. (Ditahqiq oleh Muhammad Ali as-Sobuni) j.2. Kaherah: Dar al- Sobuni
- Qardhawi, Dr. (1996). *Fatawa al-Mu'asarah*. j.1, c.6. Kaherah: Dar al-Qalam li al-Nasyr wa al- Tawzi'.
- Sayyid al-Sabiq (1999). *Fiqh Sunnah*. j. 1, c.2. Kaherah, Dar al- Fattah Lil 'I'lam al- Arabi.

- Syaukani, Muhammad bin ‘Ali (2003). *Nailul Author Syarh Muntaqal akhbar min ahadis sayyidil akhyar*. j.1.c.2. Mansoura : Dar al-Wafa’
- Syarbini, Syeikh Syamsuddin bin Muhammad al-Khatib (1994). *Mugni al-Muhtaj*. j.1, c.1. Beirut. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Syaukani, al-Mujtahid al-Allamah Muhammad bin Ali (2004). *Nail al-Author*.j. 1. c. 3. Beirut , Lubnan: Dar al-Kutub Ilmiah.
- Sajastani al-Azdi, Hafidz Abi Daud Sulaiman Ibn -Asy’as (1995). *Sunan Abi Daud*. j. 1. Beirut, Lubnan : Maktabah al-Asriyah.
- Thabarani, Sulaiman bin Ahmad. (1983). *Mu’jam al-Kabir*. C.2. Al-Mawsoul: Maktabah al- Zahra.
- Tirmidzi, Abu ‘Isa Muhammad ‘Isa bin Saurah (t.t). *Jami’ al-Tirmizi*. Arab Saudi : Bait al-Afkar al- Dauliyyah
- Wahbah al-Zuhaili, Dr. (1987). *Al-Feqah Al-Islami Wa-Adillatuhu*. j. 1. Damsyik : Dar Al- Fikir.
- Zahabi, Imam al-Hafidz Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Uthman (1995). *Kitab al- Kabair*. c.1. Damsyiq : Dar al-Khayr.